## MATRIK CADANGAN PINDAAN AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974 (FASA 1)

| SEKSYEN/ SECTION | KETERANGAN SEKSYEN / SECTION DESCRIPTION | PERUNTUKAN AKAS 1974/ PROVISIONS IN EQA 1974 | CADANGAN PINDAAN / PROPOSED AMENDMENT |
|---|---|---|---|
| **SEKSYEN 16 –** Pemegang lesen hendaklah mematuhi lesen | Seksyen 16 menyatakan bahawa pemegang lesen hendaklah mematuhi had-had dan syarat-syarat yang dilampirkan bersama lesen.<br><br>Lesen di bawah AKAS 1974 merujuk kepada lesen kepada Premis Yang Ditetapkan seperti Kilang Kelapa Sawit, Kilang Getah dan premis kemudahan pengolahan dan pelupusan buangan terjadual. | Mana-mana pemegang lesen yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada dua puluh lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada dua tahun atau kedua-duanya dan denda tambahan satu ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu diteruskan selepas disampaikan kepadanya suatu notis yang diberi oleh Ketua pengarah menghendakinya patuh kepada terma atau syarat yang dinyatakan di dalamnya itu. | Mana-mana pemegang lesen yang melanggar subseksyen (1) melakukan kesalahan dan apabila disabitkan boleh, didenda tidak kurang daripada dua puluh lima ribu ringgit dan tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya dan denda tambahan satu ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu diteruskan selepas disampaikan kepadanya suatu notis yang diberi oleh Ketua Pengarah menghendakinya patuh kepada terma atau syarat yang dinyatakan di dalamnya itu.”. |
| ***SECTION 16 –*** *License to comply with licences.* | *Section 16 states that the licensee shall comply with the limits and conditions attached to the license.* | *Any holder of a licence who contravenes subsection (1) shall be guilty of an offence and shall be liable to a fine not exceeding twenty-five thousand ringgit or to imprisonment for a period* | *Any holder of a licence who contravenes subsection (1) shall be guilty of an offence and on conviction may be liable to a fine not less than twenty-five thousand ringgit and* |

| SEKSYEN/ SECTION | KETERANGAN SEKSYEN / SECTION DESCRIPTION | PERUNTUKAN AKAS 1974/ PROVISIONS IN EQA 1974 | CADANGAN PINDAAN / PROPOSED AMENDMENT |
|---|---|---|---|
| | *Licenses under AKAS 1974 refer to licenses to Prescribed Premises such as Oil Palm Mill, Rubber Factory and Scheduled Waste Treatment and Disposal facilities.* | *not exceeding two years or to both, and to a further fine of one thousand ringgit for every day that the offence is continued after a notice by the Director General requiring him to comply with such term or condition specified therein has been served upon him.* | *not exceeding two hundred and fifty thousand* ringgit or *to imprisonment for a period not exceeding five years or to both, and to a further fine of one thousand ringgit for every day that the offence is continued after a notice by the Director General requiring him to comply with such term or condition specified therein has been served upon him.* |
| **SEKSYEN 18 -** Premis yang ditetapkan hendaklah dilesen | 1. Seksyen 18 adalah berkaitan kuasa Menteri menetapkan Premis Yang Ditetapkan (PYDT) dan Kenderaan Yang Ditetapkan untuk membawa buangan terjadual (Pembawa Yang Ditetapkan) hendaklah mempunyai lesen bagi penggunaan atau pendudukannya. Sekiranya PYDT dan kenderaan yang digunakan untuk | Seseorang yang didapati bersalah atas suatu kesalahan di bawah subseksyen (1) atau (1A) boleh dikenakan denda tidak lebih daripada lima puluh ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada dua tahun atau kedua-duanya dan denda tambahan satu ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu diteruskan selepas disampaikan kepadanya suatu notis yang diberi oleh Ketua Pengarah menghendakinya menghentikan perbuatan yang dinyatakan di dalamnya itu. | Seseorang yang melanggar subseksyen (1) atau (1A) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh, didenda tidak kurang daripada dua puluh lima ribu ringgit dan tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya dan denda tambahan satu ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu diteruskan selepas disampaikan kepadanya suatu notis yang diberi oleh Ketua Pengarah menghendakinya menghentikan perbuatan yang dinyatakan di dalamnya itu.”. |

| SEKSYEN/ SECTION | KETERANGAN SEKSYEN / SECTION DESCRIPTION | PERUNTUKAN AKAS 1974/ PROVISIONS IN EQA 1974 | CADANGAN PINDAAN / PROPOSED AMENDMENT |
|---|---|---|---|
| | membawa buangan terjadual beroperasi tanpa lesen, ianya menjadi suatu kesalahan. Premis Yang Ditetapkan seperti Kilang Kelapa Sawit, Kilang Getah dan premis kemudahan pengolahan dan pelupusan buangan terjadual.<br><br>2. Premis dan kenderaan perlu dilesenkan kerana aktiviti premis dan kenderaan ini melibatkan pengangkutan, pemprosesan dan penghasilan buangan terjadual, efluen dan pencemar ke udara dan melibatkan pencemaran air serta pencemaran | | |

| SEKSYEN/ SECTION | KETERANGAN SEKSYEN / SECTION DESCRIPTION | PERUNTUKAN AKAS 1974/ PROVISIONS IN EQA 1974 | CADANGAN PINDAAN / PROPOSED AMENDMENT |
|---|---|---|---|
| | udara. Tujuan premis/kenderaan dilesenkan adalah bagi mengawal pencemaran secara lebih komprehensif | | |
| ***SECTION 18 –*** *Prescribed premises to be licenced* | 1. *Section 18 relates to the power of the Minister to prescribe the Prescribed Premises (PYDT) and Prescribed Vehicles to carry scheduled waste (Prescribed Carriers) shall have a license for its use or occupation. If PYDT and vehicles used to carry scheduled waste operate without a license, it would be an offense. Prescribed Premises such as Oil Palm Mill, Rubber Factory and* | *Any person found guilty of an offence under subsection (1) or (1A) shall be liable to a fine not exceeding fifty thousand ringgit or to imprisonment for a period not exceeding two years or to both, and to a further fine of one thousand ringgit for every day that the offence is continued after a notice by the Director General requiring him to cease the act specified has been served upon him.* | *Any person who contravenes subsection (1) or (1A) shall be guilty of an offence and on conviction may be liable to a fine not less than not less than twenty-five thousand ringgit and not exceeding two hundred and fifty thousand* ringgit *or to imprisonment for a period not exceeding five years or to both, and to a further fine of one thousand ringgit for every day that the offence is continued after a notice by the Director General requiring him to cease the act specified has been served upon him.* |

| SEKSYEN/ SECTION | KETERANGAN SEKSYEN / SECTION DESCRIPTION | PERUNTUKAN AKAS 1974/ PROVISIONS IN EQA 1974 | CADANGAN PINDAAN / PROPOSED AMENDMENT |
|---|---|---|---|
| | *Scheduled Waste Treatment and Disposal facilities.*<br><br>2. *Premises and vehicles need to be licensed because the activities of these premises and vehicles involve the transportation, processing and production of scheduled waste, effluents and pollutants into the air and can caused water pollution as well as air pollution. The purpose of licensed premises / vehicles is to control pollution more comprehensively.* | | |
| **SEKSYEN 19** – Larangan terhadap menyebabkan kenderaan, kapal atau premis menjadi | Seksyen 19 adalah berkaitan dengan Kebenaran Bertulis yang perlu diperolehi oleh PYDT dan Pembawa Yang Ditetapkan sebelum dilesenkan untuk beroperasi. | Tiada peruntukan penalti | Seseorang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak kurang daripada dua puluh lima ribu ringgit dan tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh |

| SEKSYEN/ SECTION | KETERANGAN SEKSYEN / SECTION DESCRIPTION | PERUNTUKAN AKAS 1974/ PROVISIONS IN EQA 1974 | CADANGAN PINDAAN / PROPOSED AMENDMENT |
|---|---|---|---|
| pembawa yang ditetapkan atau premis yang ditetapkan | | | tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya dan denda tambahan satu ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu diteruskan selepas disampaikan kepadanya suatu notis yang diberi oleh Ketua Pengarah menghendakinya menghendakinya menghentikan perbuatan yang dinyatakan di dalamnya itu.". |
| ***SECTION 19*** *– Prohibition against causing vehicle, ship or premises to become prescribed conveyance or prescribed premises.* | *Section 19 is about the Written Permission that must be obtained by Prescribed Premises and the Prescribed Vehicle before being licensed to operate.* | There is no penalty provision | *Any person who contravenes subsection (1) or (1A) shall be guilty of an offence and on conviction may be liable to a fine* *not less than twenty-five thousand ringgit* *and not exceeding* *two hundred and fifty thousand* ringgit *or to imprisonment for a period not exceeding five years or to both, and to a further fine of one thousand ringgit for every day that the offence is continued after a notice by the Director General requiring him to cease the act specified has been served upon him.* |
| **SEKSYEN 22 –** | Tiada seseorang pun boleh mengeluarkan atau | Seseorang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh didenda | Seseorang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila |

| **SEKSYEN/ SECTION** | **KETERANGAN SEKSYEN / SECTION DESCRIPTION** | **PERUNTUKAN AKAS 1974/ PROVISIONS IN EQA 1974** | **CADANGAN PINDAAN / PROPOSED AMENDMENT** |
|---|---|---|---|
| Sekatan mengenai pencemaran udara | melepaskan apa-apa benda berbahaya kepada alam sekeliling, pencemar atau buangan ke dalam udara yang melanggar syarat-syarat yang ditetapkan di bawah Peraturan. | tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya dan dikenakan denda tambahan tidak melebihi satu ribu ringgit sehari bagi tiap-tiap hari kesalahan itu diteruskan selepas disampaikan kepadanya suatu notis yang diberikan oleh Ketua Pengarah menghendakinya menghentikan perbuatan yang dinyatakan di dalamnya itu. | disabitkan boleh, didenda tidak kurang daripada sepuluh ribu ringgit dan tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya dan denda tambahan satu ribu ringgit sehari bagi tiap-tiap hari kesalahan itu diteruskan selepas disampaikan kepadanya suatu notis yang diberikan oleh Ketua Pengarah menghendakinya menghentikan perbuatan yang dinyatakan di dalamnya itu.” |
| ***SECTIONS 22*** *– Restrictions on pollution of the atmosphere* | *No person shall emit or release any hazardous substances to the environment, pollutants or waste into the atmosphere in contravention of the acceptable conditions specified under the Regulation.* | *Any persons who contravenes subsection (1) shall be guilty of an offence and shall be liable to a fine not exceeding one hundred thousand ringgit or to imprisonment for a period not exceeding five years or to both and to a further fine not exceeding one thousand ringgit a day for every day that the offence is continued after a notice by the Director General requiring him to cease the act specified therein has been served upon him.* | *Any person who contravenes subsection (1) shall be guilty of an offence and on conviction may be liable to a fine not less than ten thousand ringgit and not exceeding one million ringgit or to imprisonment for a period not exceeding five years or to both and to a further fine not exceeding one thousand ringgit a day for every day that the offence is continued after a notice by the Director* |

| SEKSYEN/ SECTION | KETERANGAN SEKSYEN / SECTION DESCRIPTION | PERUNTUKAN AKAS 1974/ PROVISIONS IN EQA 1974 | CADANGAN PINDAAN / PROPOSED AMENDMENT |
|---|---|---|---|
| | | | *General requiring him to cease the act specified therein has been served upon him.* |
| **SEKSYEN 23 –** Sekatan mengenai pencemaran bunyi bising<br><br>***SECTIONS 23*** *– Restrictions on noise pollution* | Tiada seseorang pun boleh mengeluarkan atau menyebabkan atau membenarkan dikeluarkan apa-apa bunyi bising yang lebih kuat bahana, keamatan atau kualitinya yang melanggar syarat-syarat yang ditetapkan di bawah Peraturan.<br><br>*No person shall emit or cause or permit to be emitted any noise of any greater in volume, intensity or quality in contravention of the acceptable conditions* | Seseorang yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada satu ratus ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada lima tahun atau kedua-duanya dan denda tambahan tidak lebih daripada lima ratus ringgit sehari bagi tiap-tiap hari kesalahan itu diteruskan selepas disampaikan kepadanya suatu notis yang diberi oleh Ketua Pengarah menghendakinya memberhentikan perbuatan yang dinyatakan di dalamnya itu.<br><br>*Any persons who contravenes subsection (1) shall be guilty of an offence and shall be liable to a fine not exceeding one hundred thousand ringgit or to imprisonment for a period not exceeding five years or to both and to a further fine not exceeding one thousand ringgit a day for every* | Seseorang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh, didenda tidak kurang daripada sepuluh ribu ringgit dan tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya dan denda tambahan satu ribu ringgit sehari bagi tiap-tiap hari kesalahan itu diteruskan selepas disampaikan kepadanya suatu notis yang diberi oleh Ketua Pengarah menghendakinya menghentikan perbuatan yang dinyatakan di dalamnya itu."<br><br>*Any person who contravenes subsection (1) shall be guilty of an offence and on conviction may be liable to a fine not less than ten thousand ringgit and not exceeding two hundred and fifty thousand ringgit or to imprisonment for a period not exceeding five* |

| **SEKSYEN/ SECTION** | **KETERANGAN SEKSYEN / SECTION DESCRIPTION** | **PERUNTUKAN AKAS 1974/ PROVISIONS IN EQA 1974** | **CADANGAN PINDAAN / PROPOSED AMENDMENT** |
|---|---|---|---|
| | *specified under the Regulation.* | *day that the offence is continued after a notice by the Director General requiring him to cease the act specified therein has been served upon him.* | *years or to both and to a further fine not exceeding one thousand ringgit a day for every day that the offence is continued after a notice by the Director General requiring him to cease the act specified therein has been served ipon him.* |
| **SEKSYEN 24 -** Sekatan mengenai pencemaran tanah tanih | Tiada seseorang pun boleh mencemarkan atau menyebabkan atau membenarkan dicemarkan mana-mana tanah-tanih atau permukaan mana-mana tanah yang melanggar syarat-syarat yang ditetapkan dalam Peraturan | Seseorang yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada satu ratus ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada lima tahun atau kedua-duanya dan denda tambahan tidak lebih daripada satu ribu ringgit sehari bagi tiap-tiap hari kesalahan itu diteruskan selepas disampaikan kepadanya suatu notis yang diberi oleh Ketua Pengarah menghendakinya memberhentikan perbuatan yang dinyatakan di dalamnya itu. | Seseorang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh, didenda tidak kurang daripada lima puluh ribu ringgit dan tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya dan denda tambahan satu ribu ringgit sehari bagi tiap-tiap hari kesalahan itu diteruskan selepas disampaikan kepadanya suatu notis yang diberi oleh Ketua Pengarah menghendakinya menghentikan perbuatan yang dinyatakan di dalamnya itu.” |

| SEKSYEN/ SECTION | KETERANGAN SEKSYEN / SECTION DESCRIPTION | PERUNTUKAN AKAS 1974/ PROVISIONS IN EQA 1974 | CADANGAN PINDAAN / PROPOSED AMENDMENT |
|---|---|---|---|
| ***SECTIONS 24** – Restrictions on pollution of the soil.* | *No person shall pollute or cause or permit to be polluted any soil or surfaces of any land in contravention of the acceptable conditions specified in the Regulations.* | *Any persons who contravenes subsection (1) shall be guilty of an offence and shall be liable to a fine not exceeding one hundred thousand ringgit or to imprisonment for a period not exceeding five years or to both and to a further fine not exceeding one thousand ringgit a day for every day that the offence is continued after a notice by the Director General requiring him to cease the act specified therein has been served upon him.* | *Any person who contravenes subsection (1) shall be guilty of an offence and on conviction may be liable to a fine not less than fifty thousand ringgit and not exceeding five hundred thousand ringgit or to imprisonment for a period not exceeding five years or to both and to a further fine not exceeding one thousand ringgit a day for every day that the offence is continued after a notice by the Director General requiring him to cease the act specified therein has been served upon him.* |
| **SEKSYEN 25 -** Sekatan mengenai pencemaran perairan daratan. | Tiada seseorang pun boleh mengeluarkan, melepaskan atau meletakkan apa-apa benda berbahaya kepada alam sekeliling, pencemar atau buangan ke dalam mana-mana perairan pedalaman yang melanggar syarat-syarat yang ditetapkan dalam Peraturan. | Seseorang yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada satu ratus ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada lima tahun atau kedua-duanya dan denda tambahan tidak lebih daripada satu ribu ringgit sehari bagi tiap-tiap hari kesalahan itu diteruskan selepas disampaikan kepadanya suatu notis yang diberi oleh Ketua Pengarah menghendakinya | Seseorang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan hendaklah dihukum penjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun dan hendaklah juga didenda tidak kurang daripada lima puluh ribu ringgit dan tidak melebihi sepuluh juta ringgit.”. |

| SEKSYEN/ SECTION | KETERANGAN SEKSYEN / SECTION DESCRIPTION | PERUNTUKAN AKAS 1974/ PROVISIONS IN EQA 1974 | CADANGAN PINDAAN / PROPOSED AMENDMENT |
|---|---|---|---|
| ***SECTIONS 25*** – *Restrictions on pollution of inland waters.* | *No person shall emit, discharge or deposit any environmentally hazardous substances, pollutants or waste into any inland waters in contravention of the acceptable conditions specified under the Regulation.* | memberhentikan perbuatan yang dinyatakan di dalamnya notis itu.<br><br>*Any persons who contravenes subsection (1) shall be guilty of an offence and shall be liable to a fine not exceeding one hundred thousand ringgit or to imprisonment for a period not exceeding five years or to both and to a further fine not exceeding one thousand ringgit a day for every day that the offence is continued after a notice by the Director General requiring him to cease the act specified therein has been served upon him.* | *Any person who contravenes subsection (1) shall be guilty of an offence and on conviction shall be punished with imprisonment for term not exceeding five years and shall also be liable to a fine not less than fifty thousand ringgit and not exceeding ten million ringgit.* |
| **SEKSYEN 27 -** Melepaskan minyak ke dalam perairan Malaysia dilarang.<br><br>***SECTION 27 –*** | Tiada seseorang pun boleh melepaskan atau menumpahkan apa-apa minyak atau campuran yang mengandungi minyak ke dalam perairan Malaysia yang melanggar syarat-syarat yang ditetapkan dalam Peraturan. | Seseorang yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada lima ratus ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada lima tahun atau kedua-duanya. | Seseorang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh, didenda tidak kurang daripada lima puluh ribu ringgit dan tidak melebihi sepuluh juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.”. |

| SEKSYEN/ SECTION | KETERANGAN SEKSYEN / SECTION DESCRIPTION | PERUNTUKAN AKAS 1974/ PROVISIONS IN EQA 1974 | CADANGAN PINDAAN / PROPOSED AMENDMENT |
|---|---|---|---|
| *Prohibition of discharge of oil into Malaysian waters.* | *No person shall discharge or spill any oil or mixture containing oil into Malaysian waters in contravention of the acceptable conditions specified under the Regulation.* | *Any persons who contravenes subsection (1) shall be guilty of an offence and shall be liable to a fine not exceeding five hundred thousand ringgit or to imprisonment for a period not exceeding five years or to both* | *Any persons who contravenes subsection (1) shall be guilty of an offence and on conviction may be liable to a fine not less than fifty thousand ringgit and not exceeding ten million ringgit or to imprisonment for a period not exceeding five years or to both.* |
| **SEKSYEN 29-** Melepaskan buangan ke dalam perairan Malaysia dilarang.<br><br>***SECTION 29 –*** *Prohibition of discharge of wastes into Malaysian waters.* | Tiada seseorang pun boleh melepaskan benda berbahaya kepada alam sekeliling, pencemar atau buangan ke dalam perairan Malaysia.<br><br>*No person shall discharge or spill any oil or mixture containing oil into Malaysian waters.* | Seseorang yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada lima ratus ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada lima tahun atau kedua-duanya.<br><br>*Any persons who contravenes subsection (1) shall be guilty of an offence and shall be liable to a fine not exceeding five hundred thousand ringgit or to imprisonment for a period not exceeding five years or to both* | Seseorang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh, didenda tidak kurang daripada lima puluh ribu ringgit dan tidak melebihi sepuluh juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.”.<br><br>*Any persons who contravenes subsection (1) shall be guilty of an offence and on conviction may be liable to a fine not less than fifty thousand ringgit and not exceeding ten million ringgit or to imprisonment for a period not exceeding five years or to both.* |
| **SEKSYEN 29A-** | Tiada seseorang pun boleh membenarkan, melakukan, | Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan, | Seseorang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila |

| SEKSYEN/ SECTION | KETERANGAN SEKSYEN / SECTION DESCRIPTION | PERUNTUKAN AKAS 1974/ PROVISIONS IN EQA 1974 | CADANGAN PINDAAN / PROPOSED AMENDMENT |
|---|---|---|---|
| Larangan atas pembakaran terbuka. | menyebabkan, atau mengarahkan pembakaran terbuka di mana-mana premis. | apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya. | disabitkan boleh, didenda tidak kurang daripada sepuluh ribu ringgit dan tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya dan denda tambahan lima ribu ringgit sehari bagi tiap-tiap hari kesalahan itu diteruskan selepas disampaikan kepadanya suatu notis yang diberi oleh Ketua Pengarah menghendakinya memberhentikan perbuatan yang dinyatakan di dalamnya itu. |
| ***SECTION 29A*** *– Prohibition on open burning.* | *No person shall allow, commit, permit, cause or instruct open burning on any premises.* | *Any persons who contravenes subsection (1) shall be guilty of an offence and shall be liable to a fine not exceeding five hundred thousand ringgit or to imprisonment for a period not exceeding five years or to both.* | *Any persons who contravenes subsection (1) shall be guilty of an offence and on conviction may be liable to a fine not less than ten thousand ringgit and not exceeding one million ringgit or to imprisonment for a period not exceeding five years or to both and to a further fine not exceeding five thousand ringgit a day for every day that the offence is continued after a notice by the Director General requiring him to cease the act specified therein has been served upon him.* |

| SEKSYEN/ SECTION | KETERANGAN SEKSYEN / SECTION DESCRIPTION | PERUNTUKAN AKAS 1974/ PROVISIONS IN EQA 1974 | CADANGAN PINDAAN / PROPOSED AMENDMENT |
|---|---|---|---|
| **SEKSYEN 30A –** Kuasa untuk mengawal penggunaan benda dan keluaran dan menyatakan pelabelan alam sekeliling<br><br>***SECTION 30A*** – *Power to control use of substance and product and to state environmental labelling* | Peruntukan kuasa kepada Menteri untuk mengawal penggunaan benda berbahaya kepada alam sekeliling, menetapkan apa-apa keluaran sebagai keluaran yang ditetapkan untuk jualan dan menyatakan pelabelan .<br><br>*Provision of power to the Minister to control the use of hazardous substances to the environment, designate any product as a designated product for sale and state labeling.* | Mana-mana orang yang tidak atau enggan mematuhi perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.<br><br>*Any person who fails or refuses to comply with the order made under subsection (1) shall be guilty of an offence and shall be liable to a fine not exceeding fifty thousand ringgit or to imprisonment for a period nor exceeding five years or to both.* | Seseorang yang tidak atau enggan mematuhi perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh, didenda tidak kurang daripada dua puluh lima ribu ringgit dan tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.”.<br><br>*Any person who fails or refuses to comply with the order made under subsection (1) shall be guilty of an offence and n conviction may be liable to a fine not less than twenty five thousand ringgit and not exceeding two hundred and fifty thousand* ringgit *or to imprisonment for a period nor exceeding five years or to both.* |
| **SEKSYEN 31-** Kuasa untuk menghendaki pemunya atau | Kuasa untuk menghendaki pemunya atau penduduk memasang, mengendali, membaiki dsb melalui Notis | Mana-mana orang yang melanggar notis yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) atau (2) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh didenda tidak melebihi dua puluh lima ribu | Seseorang yang melanggar notis yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh, didenda tidak kurang |

| SEKSYEN/ SECTION | KETERANGAN SEKSYEN / SECTION DESCRIPTION | PERUNTUKAN AKAS 1974/ PROVISIONS IN EQA 1974 | CADANGAN PINDAAN / PROPOSED AMENDMENT |
|---|---|---|---|
| penduduk memasang, mengendali, membaiki dsb. | secara bertulis / Notis Arahan. | ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya dan denda selanjutnya tidak melebihi satu ribu ringgit sehari bagi tiap-tiap hari kesalahan itu diteruskan selepas penyampaian notis yang dinyatakan dalam subseksyen (1) atau (2). | daripada lima puluh ribu ringgit dan tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya dan denda tambahan satu ribu ringgit sehari bagi tiap-tiap hari kesalahan itu diteruskan selepas penyampaian notis yang dinyatakan dalam subseksyen (1) atau (2). |
| ***SECTION 31 –*** *Power to require owner or occupier to install, operate, repair, etc.* | *Power to require owner or resident to install, operate, repair etc. by Notice in writing / Instruction Notice.* | *Any person who contravenes the notice issued under subsection (1) or (2) shall be guilty of an offence and shall be liable to a fine not exceeding twenty-five thousand ringgit or to imprisonment for a period not exceeding two years or to both and to a further fine not exceeding one thousand ringgit a day for every day that the offence is continued after service on him of the notice specified in subsection (1) or (2).* | *Any person who contravenes the notice issued under subsection (1) or (2) shall be guilty of an offence and on conviction may be liable to a fine not less than fifty thousand ringgit and not exceeding one million ringgit or to imprisonment for a period not exceeding five years or to both and to a further fine not exceeding one thousand ringgit a day for every day that the offence is continued after service on him of the notice specified in subsection (1) or (2).* |

| SEKSYEN/ SECTION | KETERANGAN SEKSYEN / SECTION DESCRIPTION | PERUNTUKAN AKAS 1974/ PROVISIONS IN EQA 1974 | CADANGAN PINDAAN / PROPOSED AMENDMENT |
|---|---|---|---|
| **SEKSYEN 31A-** Perintah larangan, dsb. | Peruntukan kuasa kepada Menteri menetapkan melalui Perintah , keadaan -keadaan di mana Ketua Pengarah boleh mengeluarkan perintah larangan kepada pemunya atau penduduk mana-mana loji perindustrian atau proses perindustrian untuk mencegah pengendaliannya yang berterusan sama ada secara mutlak atau bersyarat. | Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) atau (2) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya. | Seseorang yang melanggar perintah larangan di bawah subseksyen (2) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan hendaklah dihukum penjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun dan denda tidak kurang daripada lima puluh ribu ringgit dan tidak melebihi satu juta ringgit. |
| ***SECTION 31A*** *– Prohibition order, etc.* | *Provision of power to the Minister stipulates by Order, the circumstances under which the Director General may issue a Prohibition Order to the owner or occupier of any industrial plant or industrial process to prevent its continuous operation either absolutely or conditionally.* | *Any person who contravenes subsection (1) or (2) shall be guilty of an offence and shall be liable to a fine not exceeding fifty thousand ringgit or to imprisonment for a period not exceeding two years or to both.* | *Any person who contravenes Prohibition order under subsection (2) shall be guilty of an offence and on conviction shall be punished with imprisonment for term not exceeding five years and shall also be liable to a fine not less than fifty thousand ringgit and not exceeding one million ringgit.* |

| SEKSYEN/ SECTION | KETERANGAN SEKSYEN / SECTION DESCRIPTION | PERUNTUKAN AKAS 1974/ PROVISIONS IN EQA 1974 | CADANGAN PINDAAN / PROPOSED AMENDMENT |
|---|---|---|---|
| **SEKSYEN 32 -** Pemunya atau penduduk hendaklah menyelenggara dan mengendalikan kelengkapan. | Pemunya atau penduduk mana-mana kenderaan, kapal atau premis hendaklah menyelenggara dan mengendalikan kelengkapan kawalan yang dipasang dengan keadaan yang baik dan dengan cara yang patut dan cekap. | Tiada peruntukan penalti | Seseorang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh, didenda tidak kurang daripada lima ribu ringgit dan tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya dan denda tambahan satu ribu ringgit sehari bagi tiap-tiap hari kesalahan itu diteruskan selepas penyampaian notis yang dinyatakan dalamnya itu. |
| ***SECTION 32 –*** *Owner or occupier ti maintain and operate equipment* | *The owner or occupant of any vehicle, ship or premises shall maintain and operate the control equipment installed in good condition and in a proper and efficient manner.* | *There is no penalty provision* | *Any person who contravenes subsection (1) shall be guilty of an offence and on conviction may be liable to a fine not less than fifty thousand ringgit and not exceeding five hundred thousand ringgit or to imprisonment for a period not exceeding five years or to both and to a further fine not exceeding one thousand ringgit a day for every day that the offence is continued after a notice by the Director General has been served upon him.* |

| SEKSYEN/ SECTION | KETERANGAN SEKSYEN / SECTION DESCRIPTION | PERUNTUKAN AKAS 1974/ PROVISIONS IN EQA 1974 | CADANGAN PINDAAN / PROPOSED AMENDMENT |
|---|---|---|---|
| **SEKSYEN 33 –** Kuasa bagi melarang atau mengawal orang-orang yang dilesen daripada melepaskan dsb. buangan-buangan dalam hal-hal tertentu. | Peruntukan kepada Ketua Pengarah untuk melarang orang-orang yang dilesenkan daripada melepaskan buangan sekiranya pelepasan secara kolektif menyebabkan bertambah buruk segmen atau unsur alam sekitar. | Seseorang yang melanggar notis yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan denda yang tidak lebih daripada lima puluh ribu ringgit atau penjara tidak lebih daripada lima tahun atau kedua-duanya dan denda tambahan tidak lebih daripada satu ribu ringgit sehari bagi tiap-tiap hari kesalahan itu diteruskan selepas penyampaian notis yang dinyatakan dalam subseksyen (1). | Seseorang yang melanggar notis yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) melakukan kesalahan dan apabila disabitkan boleh, didenda tidak kurang daripada lima puluh ribu ringgit dan tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya dan denda tambahan satu ribu ringgit sehari bagi tiap-tiap hari kesalahan itu diteruskan selepas penyampaian notis yang dinyatakan dalam subseksyen (1). |
| ***SECTION 33** – Power to prohibit or control licenced persons from discharging, etc. of wastes in certain circumstances.* | *Provision to the Director General to prohibit licensed persons from discharging waste if collective discharge causes deterioration of segments or elements of the environment.* | *Any person who contravenes the notice issued under subsection (1) shall be guilty of an offence and shall be liable to a fine not exceeding fifty thousand ringgit or to imprisonment for a period not exceeding five years or to both and to a further fine not exceeding one thousand ringgit a day for every day that the offence is continued after service on him of the notice specified in subsection (1).* | *Any person who contravenes the notice issued under subsection (1) shall be guilty of an offence and on conviction may be liable to a fine not less than fifty thousand ringgit and not exceeding one million ringgit or to imprisonment for a period not exceeding five years or to both and to a further fine not exceeding one thousand ringgit a day for every day that the offence is continued after* |

| SEKSYEN/ SECTION | KETERANGAN SEKSYEN / SECTION DESCRIPTION | PERUNTUKAN AKAS 1974/ PROVISIONS IN EQA 1974 | CADANGAN PINDAAN / PROPOSED AMENDMENT |
|---|---|---|---|
| | | | *service on him of the notice specified in subsection (1).* |
| ***SEKSYEN 34A*** Laporan mengenai kesan kepada alam sekeliling akibat aktiviti yang ditetapkan<br><br>***SECTION 34A –*** *Report on impact on environment resulting from prescribed activities.* | Laporan mengenai kesan kepada alam sekeliling akibat aktiviti yang ditetapkan (EIA)<br><br>*Report on impact on environment resulting from prescribed activities. (EIA)* | Seseorang yang melanggar seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada lima ratus ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada lima tahun atau kedua-duanya dan denda tambahan satu ribu ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu diteruskan selepas disampaikan kepadanya suatu notis yang diberi oleh Ketua Pengarah menghendakinya mematuhi tindakan yang dinyatakan di dalamnya itu.<br><br>*Any person who contravenes this section shall be guilty of an offence and shall be liable to a fine not exceeding five hundred thousand ringgit or to imprisonment for a period not exceeding five years or to both and a further fine of one thousand ringgit for every day that the offence is continued after a notice by the Director General* | Seseorang yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan hendaklah dihukum penjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun dan didenda tidak kurang daripada satu ratus ribu ringgit dan tidak melebihi satu juta ringgit<br><br>*Any person who contravenes this section shall be guilty of an offence and on conviction shall be punished with imprisonment for term not exceeding five years and shall also be liable to a fine not less than one hundred thousand ringgit and not exceeding one million ringgit.* |

| SEKSYEN/ SECTION | KETERANGAN SEKSYEN / SECTION DESCRIPTION | PERUNTUKAN AKAS 1974/ PROVISIONS IN EQA 1974 | CADANGAN PINDAAN / PROPOSED AMENDMENT |
|---|---|---|---|
| | | *requiring him to comply with the act specified therein has been served upon him.* | |
| **SEKSYEN 34AA** – Perintah larangan bagi aktiviti yang ditetapkan | Perintah larangan atau perintah berhenti kerja kepada orang-orang yang menjalankan aktiviti yang ditetapkan –<br>a) tanpa kelulusan di bawah seksyen 34A(3);<br>b) yang mencabuli apa-apa syarat yang dilampirkan pada kelulusan laporan EIA; dan<br>c) yang pada pendapat Ketua Pengarah adalah dijalankan mengikut cara yang mungkin menyebabkan kerosakan alam sekeliling . | Mana-mana orang yang melangar seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan -<br>(a) denda tidak lebih daripada lima ratus ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada lima tahun atau kedua-duanya; dan<br>(b) bagi kesalahan yang berterusan, denda tidak lebih daripada satu ribu ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu berterusan selepas suatu notis telah disampaikan oleh Ketua Pengarah ke atas orang itu menghendaki orang itu supaya mematuhi perbuatan yang dinyatakan dalamnya. | Seseorang yang melanggar seksyen ini melakukan kesalahan dan apabila disabitkan hendaklah dihukum penjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun dan denda tidak kurang daripada satu ratus ribu ringgit dan tidak melebihi satu juta ringgit. |

| SEKSYEN/ SECTION | KETERANGAN SEKSYEN / SECTION DESCRIPTION | PERUNTUKAN AKAS 1974/ PROVISIONS IN EQA 1974 | CADANGAN PINDAAN / PROPOSED AMENDMENT |
|---|---|---|---|
| ***SECTION 34AA*** *– Prohibition order for prescribed activities* | *Prohibition order or stop work order to the person carrying out the prescribed activities –*<br>*a) without the approval under subsectin 34A(3);*<br>*b) who violates any conditions attached to the approval of the reports; and*<br>*c) which in the opinion of the Director General are being carried out in a manner that is likely to cause environmebtal damage.* | *Any person who contravenes this section shall be guilty of an offence and shall be liable –*<br>*(a) to a fine not exceeding five hundred thousand ringgit or to imprisonment for a period not exceeding five years or to both; and*<br>*(b) for a continuous offence, to a fine not exceeding one thousand ringgit for every day during which the offence continuous after a notice has been served by the Director General upon the person requiring the person to comply with the act specified in it.* | *Any person who contravenes this section shall be guilty of an offence and on conviction shall be punished with imprisonment for term not exceeding five years and shall also be liable to a fine not less than one hundred thousand ringgit and not exceeding one million ringgit.* |
| **SEKSYEN 34B -** Larangan terhadap penempatan, peletakan, dsb. buangan terjadual | Tiada seseorang pun boleh—<br>(a) menempatkan, meletakkan, atau melupuskan, atau menyebabkan atau membenarkan ditempatkan, | Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan hendaklah dihukum penjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun dan hendaklah juga didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit. | Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan hendaklah dihukum penjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun dan hendaklah juga didenda tidak kurang |

| SEKSYEN/ SECTION | KETERANGAN SEKSYEN / SECTION DESCRIPTION | PERUNTUKAN AKAS 1974/ PROVISIONS IN EQA 1974 | CADANGAN PINDAAN / PROPOSED AMENDMENT |
|---|---|---|---|
| | diletakkan, atau dilupuskan, kecuali di premis yang dilesenkan sahaja, buangan terjadual atau benda yang ditetapkan di darat atau ke dalam perairan Malaysia;<br><br>(b) menerima atau menghantar, atau menyebabkan atau membenarkan diterima atau dihantar apa-apa bahan berbahaya kepada alam sekitar, buangan terjadual atau benda yang ditetapkan di dalam atau di luar Malaysia; atau<br><br>(c) mentransit atau menyebabkan atau membenarkan ditransit | | daripada satu ratus ribu ringgit dan tidak melebihi sepuluh juta ringgit. |

| **SEKSYEN/ SECTION** | **KETERANGAN SEKSYEN / SECTION DESCRIPTION** | **PERUNTUKAN AKAS 1974/ PROVISIONS IN EQA 1974** | **CADANGAN PINDAAN / PROPOSED AMENDMENT** |
|---|---|---|---|
| | buangan terjadual atau benda yang ditetapkan,<br><br>tanpa terlebih dahulu mendapat apa-apa kelulusan bertulis daripada Ketua Pengarah. | | |
| ***SECTION 34B*** – *Prohibition against placing, deposit, etc. of scheduled wastes.* | *No person shall-*<br>*(a) place, deposit or dispose of, or cause or permit to place, deposit or dispose of, except at prescribed premises only, any scheduled wastes or prescribed matters on land or into Malaysian waters;*<br><br>*(b) receive or send, or cause or permit to be received or sent any environmentally* | *Any person who contravenes this section shall be guilty of an offence and shall on conviction be punished with imprisonment for a term not exceeding five years and shall also be liable to a fine not exceeding five hundred thousand ringgit.* | *Any person who contravenes this section shall be guilty of an offence and shall on conviction be punished with imprisonment for a term not exceeding five years and shall also be liable to a fine not less than one hundred thousand ringgit* and *not exceeding ten million ringgit.* |

| SEKSYEN/ SECTION | KETERANGAN SEKSYEN / SECTION DESCRIPTION | PERUNTUKAN AKAS 1974/ PROVISIONS IN EQA 1974 | CADANGAN PINDAAN / PROPOSED AMENDMENT |
|---|---|---|---|
| | *hazardous substances, scheduled wastes or prescribed matters in or out of Malaysia; or*<br><br>*(c) transit or cause or permit the transit of scheduled wastes or prescribed matters,*<br><br>*without any prior written approval of the Director General.* | | |
| **SEKSYEN 37 -** Pemunya atau penduduk hendaklah memberi maklumat | Kuasa kepada Ketua Pengarah melalui Notis menghendaki pemunya atau penduduk mana-mana kenderaan, kapal, premis atau pesawat udara untuk memberikan maklumat. | Apabila seseorang dikehendaki oleh Ketua Pengarah menjawab sesuatu soalan atau memberi sesuatu maklumat dan orang itu tidak menjawab soalan itu atau tidak memberi maklumat itu sebagaimana dikehendaki atau memberi sesuatu jawapan atau maklumat yang palsu atau mengelirukan tentang sesuatu | Apabila seseorang dikehendaki oleh Ketua Pengarah menjawab sesuatu soalan atau memberi sesuatu maklumat dan orang itu tidak menjawab soalan itu atau tidak memberi maklumat itu sebagaimana dikehendaki atau memberi sesuatu jawapan atau maklumat yang palsu atau |

| SEKSYEN/ SECTION | KETERANGAN SEKSYEN / SECTION DESCRIPTION | PERUNTUKAN AKAS 1974/ PROVISIONS IN EQA 1974 | CADANGAN PINDAAN / PROPOSED AMENDMENT |
|---|---|---|---|
| | | perkara matan maka orang itu adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada dua ribu ringgit atau penjara tidak lebih daripada enam bulan atau kedua-keduanya. | mengelirukan tentang sesuatu perkara matan maka orang itu adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh, dikenakan denda tidak kurang daripada lima ribu ringgit dan tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya. |
| **SECTION 37 –** *Owner or occupier to furnish information.* | *Power to the Director General by Notice requires the owner or occupier of any vehicle, ship, premises or aircraft to provide information.* | *Any person who, when required by the Director General to answer any question or to furnish any information, fails to answer such question or to furnish such information as is required or gives any answer of information that is false or misleading in any material respect shall be guilty of an offence and shall be liable to a fine not exceeding two thousand ringgit or to imprisonment not exceeding six months or to both.* | *Any person who, when required by the Director General to answer any question or to furnish any information, fails to answer such question or to furnish such information as is required or gives any answer of information that is false or misleading in any material respect shall be guilty of an offence and on conviction may be liable to a fine not less than five thousand ringgit and not exceeding fifty thousand ringgit or to imprisonment not exceeding two years or to both.* |
| **SEKSYEN 41 –** Penalti yang tidak | Peruntukan penalti bagi kesalahan-kesaahan di bawah Akta atau Peraturan | Tiap-tiap ketinggalan atau kecuaian daripada mematuhi, dan tiap-tiap perbuatan yang dilakukan atau dicuba hendak dilakukan | Tiap-tiap ketinggalan atau kecuaian daripada mematuhi, dan tiap-tiap perbuatan yang dilakukan atau dicuba |

| SEKSYEN/ SECTION | KETERANGAN SEKSYEN / SECTION DESCRIPTION | PERUNTUKAN AKAS 1974/ PROVISIONS IN EQA 1974 | CADANGAN PINDAAN / PROPOSED AMENDMENT |
|---|---|---|---|
| diperuntukan bagi keslahan-kesalahan | yang tidak dinyatakan penalti. | berlawanan dengan, peruntukan-peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya atau apa-apa pelanggaran terhadap syarat-syarat dan sekatan-sekatan yang tertakluk kepadanya, atau yang atasnya, sesuatu lesen adalah dikeluarkan di bawah Akta ini atau terhadap mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya adalah menjadi suatu kesalahan terhadap Akta ini dan berkenaan dengan mana-mana kesalahan itu yang baginya tiada apa-apa penalti diperuntukkan dengan nyata, pesalah itu boleh dikenakan denda tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit atau penjara tidak lebih daripada dua tahun atau kedua-duanya. | hendak dilakukan berlawanan dengan, peruntukan-peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya atau apa-apa pelanggaran terhadap syarat-syarat dan sekatan-sekatan yang tertakluk kepadanya, atau yang atasnya, sesuatu lesen adalah dikeluarkan di bawah Akta ini atau terhadap mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya adalah menjadi suatu kesalahan terhadap Akta ini dan berkenaan dengan mana-mana kesalahan itu yang baginya tiada apa-apa penalti diperuntukkan dengan nyata, pesalah itu boleh dikenakan denda tidak kurang daripada lima ribu ringgit dan tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau penjara tidak lebih daripada dua tahun atau kedua-duanya. |
| ***SECTION 41*** *– Penalty for offence not* | *Provision of penalties for offenses under the Act or* | *Every omission or neglect to comply with, and every act done or attempted to be done contrary to, the provisions of this Act or any regulations* | *Every omission or neglect to comply with, and every act done or attempted to be done contrary to, the provisions of this Act or any* |

| SEKSYEN/ SECTION | KETERANGAN SEKSYEN / SECTION DESCRIPTION | PERUNTUKAN AKAS 1974/ PROVISIONS IN EQA 1974 | CADANGAN PINDAAN / PROPOSED AMENDMENT |
|---|---|---|---|
| *otherwise provided for* | *Regulations for which no penalty is specified.* | *made thereunder or any breach of the conditions and restrictions subject to , or upon which, any license is issued under this Act or any regulation made thereunder shall be an offence against this Act and in respect of any such offence for which no penalty is expressly provided the offender shall be liable to fine not exceeding than ten thousand ringgit or imprisonment not exceeding two years or both.* | *regulations made thereunder or any breach of the conditions and restrictions subject to , or upon which, any license is issued under this Act or any regulation made thereunder shall be an offence against this Act and in respect of any such offence for which no penalty is expressly provided the offender on conviction may be liable to fine not less than five thousand ringgit and not exceeding than two hundred and fifty thousand ringgit or imprisonment not exceeding two years or both.* |
| **SEKSYEN 45 -** Mengkompaun kesalahan-kesalahan | Peruntukan mengkompaun kesalahan di bawah Akta dan Peraturan. | Ketua Pengarah atau mana-mana Timbalan Ketua Pengarah, atau mana-mana pegawai awam lain atau mana-mana pihak berkuasa tempatan yang kepadanya Ketua Pengarah telah mewakilkan apa-apa kuasa secara bertulis boleh mengkompaun mana-mana kesalahan di bawah Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya yang ditetapkan oleh Menteri sebagai kesalahan yang boleh dikompaun dengan menerima daripada orang | Ketua Pengarah atau mana-mana Timbalan Ketua Pengarah, atau mana-mana pegawai awam lain atau kepada mana-mana pegawai awam, agensi Kerajaan, pihak berkuasa tempatan atau perbadanan yang kepadanya Ketua Pengarah telah mewakilkan apa-apa kuasa secara bertulis dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya, boleh mengkompaun mana-mana kesalahan di bawah Akta ini atau peraturan- |

| SEKSYEN/ SECTION | KETERANGAN SEKSYEN / SECTION DESCRIPTION | PERUNTUKAN AKAS 1974/ PROVISIONS IN EQA 1974 | CADANGAN PINDAAN / PROPOSED AMENDMENT |
|---|---|---|---|
| | | yang semunasabahnya disyaki telah melakukan kesalahan itu, sejumlah wang yang tidak melebihi dua ribu ringgit. | peraturan yang dibuat di bawahnya yang ditetapkan oleh Menteri sebagai kesalahan yang boleh dikompaun dengan menerima daripada orang yang semunasabahnya disyaki telah melakukan kesalahan itu, sejumlah wang yang tidak melebihi lima puluh peratus daripada jumlah denda minimum bagi kesalahan itu yang baginya orang itu sepatutnya dikenakan atau jika dia atau ia telah disabitkan atas kesalahan itu, dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu. |
| ***SECTION 45*** – *Compounding of offences.* | *Provision of compounding offenses under Acts and Regulations.* | *The Director General or any Deputy Director General, or any other public officer or any local authority to whom the Director General has delegated such power in writing, may compound any offence under this Act or the regulations made thereunder which is prescribed by the Minister to be a compoundable offence by accepting from the person reasonably suspected of having committed the offence a sum of money not exceeding two thousand ringgit.* | *The Director General or any Deputy Director General, or any other public officer or to any public officer, Government agency, local authority or corporation to whom the Director General has delegated any power in writing with the written consent of the Public Prosecutor , may compound any offense under this Act or the regulations made thereunder prescribed by the Minister as an offense which may be compounded by* |

| SEKSYEN/ SECTION | KETERANGAN SEKSYEN / SECTION DESCRIPTION | PERUNTUKAN AKAS 1974/ PROVISIONS IN EQA 1974 | CADANGAN PINDAAN / PROPOSED AMENDMENT |
|---|---|---|---|
| | | | *receiving from a person reasonably suspected of having committed the offense, a sum not exceeding fifty per cent of the total the minimum fine for the offense for which the person is liable or if he or she has been convicted of the offense, within the time specified in the offer.* |
| **SEKSYEN 48 -** Kuasa untuk menahan dan menjual kenderaan atau kapal<br><br>***SECTION 48*** *– Power to detain* | Seksyen yang memperuntukan kuasa kepada Ketua Pengarah dan pegawai yang diberi kuasa untuk menahan kapal dan kenderaan yang digunakan, boleh melepaskan dengan bon atau menjual kenderaan atau kapal bagi membayar kos pembersihan pencemaran.<br><br>*Sections which provide for the power of the Director General* | Jika kenderaan atau kapal yang ditahan itu terus bergerak sebelum ia dilepaskan, pemunya atau nakhodanya, atau mana-mana orang yang menyebabkan kenderaan atau kapal itu bergerak adalah melakukan suatu kesalahan dan bolehlah didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.<br><br>*If the detained vehicle or ship proceeds to move before it is released, the owner or master, or any* | Jika kenderaan atau kapal yang ditahan itu terus bergerak sebelum ia dilepaskan, pemunya atau nakhodanya, atau mana-mana orang yang menyebabkan kenderaan atau kapal itu bergerak adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh, didenda tidak kurang daripada sepuluh ribu ringgit dan tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.<br><br>*If the detained vehicle or ship proceeds to move before it is released, the owner or* |

| SEKSYEN/ SECTION | KETERANGAN SEKSYEN / SECTION DESCRIPTION | PERUNTUKAN AKAS 1974/ PROVISIONS IN EQA 1974 | CADANGAN PINDAAN / PROPOSED AMENDMENT |
|---|---|---|---|
| *and sell vehicle or ship* | *and officers authorized to detain ships and vehicles used, may release by bond or sell vehicles or ships to pay for the cost of cleaning the pollution.* | *person who causes the vehicle or ship to move shall be guilty of an offence and shall liable to a fine not exceeding fifty thousand ringgit or to imprisonment for a period not exceeding five years or to both.* | *master, or any person who causes the vehicle or ship to move shall be guilty of an offence and on conviction may liable to a fine not less than ten thousand ringgit and not exceeding two hundred and fifty thousand ringgit or to imprisonment for a period not exceeding five years or to both.* |
| **SEKSYEN 48A-** Kuasa menguji dan melarang penggunaan kenderaan | Seksyen yang memperuntukan kuasa Ketua Pengarah dan pegawai yang diberi kuasa memasuki, memeriksa, menguji dan melarang penggunaan kenderaan. | Jika mana-mana orang tidak mematuhi seksyen ini, atau menggunakan atau membenarkan digunakan sesuatu kenderaan pada bila-bila masa suatu perintah larangan di bawah subseksyen (2) sedang berkuat kuasa berhubungan dengan kenderaan itu, dia adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada satu tahun atau kedua-duanya. | Jika mana-mana orang tidak mematuhi seksyen ini, atau menggunakan atau membenarkan digunakan sesuatu kenderaan pada bila-bila masa suatu perintah larangan di bawah subseksyen (2) sedang berkuat kuasa berhubungan dengan kenderaan itu, dia adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh, didenda tidak kurang daripada lima ribu ringgit dan tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada satu tahun atau kedua-duanya. |

| SEKSYEN/ SECTION | KETERANGAN SEKSYEN / SECTION DESCRIPTION | PERUNTUKAN AKAS 1974/ PROVISIONS IN EQA 1974 | CADANGAN PINDAAN / PROPOSED AMENDMENT |
|---|---|---|---|
| ***SECTION 48A*** *– Power to test and prohibit use of vehicle* | *Sections providing for the powers of the Director General and authorized officers to enter, inspect, test and prohibit the use of vehicles.* | *If any person fails to comply with this section, or uses or permits to be used a vehicle at any time whilst a prohibition order under subsection (2) is in force in relation to such vehicle, he shall be guilty of an offence and shall be liable to a fine not exceeding five thousand ringgit or to imprisonment for a period not exceeding one year or to both.* | *If any person fails to comply with this section, or uses or permits to be used a vehicle at any time whilst a prohibition order under subsection (2) is in force in relation to such vehicle, he shall be guilty of an offence and on conviction may be liable to a fine not less than five thousand ringgit and not exceeding fifty thousand ringgit or to imprisonment for a period not exceeding one year or to both.* |
| **SEKSYEN 48AD-** Menghalang penggeledahan<br><br>***SECTION 48AD*** *- Obstructions to search* | Seksyen yang berkaitan dengan kesalahan menghalang Penjawat Awam menjalankan pemeriksaan.<br><br>*Sections related to offenses preventing Civil Servants from conducting inspections.* | melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada dua tahun atau kedua-keduanya.<br><br>*Shall be guilty of an offence and shall be liable to a fine not exceeding ten thousand ringgit or to imprisonment for at term not exceeding two years or to both.* | melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh, didenda tidak kurang daripada lima ribu ringgit dan tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.<br><br>*Shall be guilty of an offence and on conviction may be liable to a fine not less than five thousand ringgit and not exceeding one hundred thousand ringgit or to imprisonment for at term not exceeding five years or to both.* |